



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



JAWATAN	:	PEMBANTU KESIHATAN AWAM
GREED	:	U1
SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU KESIHATAN AWAM
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	TETAP
LOKASI	:	JOHOR BAHRU
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM1,500.00 – RM4,680.00
		PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM100.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	RM115.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	RM300.00
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	:	RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **dan** Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred U1: RM1,561.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Keutamaan kepada calon lelaki dan mempunyai BMI yang normal.

DESKRIPSI TUGAS:

1. Membantu tugas berkaitan Kawalan Penyakit Berjangkit iaitu membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam pengawalan penyakit berjangkit serta melaporkan apa-apa kejadian luar biasa penyakit.
2. Membantu dalam pengawalan wabak penyakit yang melibatkan aktiviti seperti disinfeksi dan lain-lain.
3. Membantu mengesan penyakit berjangkit secara aktif.
4. Bertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.
5. Membantu dalam kerja-kerja pencegahan dan pengawalan penyakit bawaan vektor secara aktif.
6. Menjalankan tinjauan alam dalam kawasan gerak kerja.
7. Melaksanakan aktiviti promosi kesihatan.
8. Menyediakan laporan-laporan aktiviti harian, minggu, bulanan dan tahunan.
9. Bertanggungjawab menyimpan dan mengemas kini rekod stok bahan-bahan dan peralatan.
10. Membantu dalam Keselamatan dan Kualiti Makanan di dalam kampus seperti menjalankan aktiviti pensampelan makanan, menyedia dan mengemaskini daftar premis makanan (Food Premise Register) dan Pengenali Makanan (Food Handlers) di kawasan gerak kerja.
11. Membantu menjalankan penyiasatan kes keracunan makanan.
12. Bertanggungjawab kepada Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam semua aspek kerja berkaitan dengan Unit Siasatan dan Pendakwaan.
13. Membantu dalam penyimpanan barang-barang eksibit.
14. Membantu dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan, penutupan dan operasi penguatkuasaan undang-undang.
15. Membantu kerja kawalan denggi iaitu semburan racun thermal (fogging).

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian <https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/> dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.